

Kes rasuah dan pengubahan wang haram

Siasatan tumpu pada kelulusan projek, perolehan ketika jadi PM

Lebih banyak keterangan terhadap Ismail Sabri akan diambil

Oleh Ilah Hafiz Aziz

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Putrajaya: Dokumen mengenai kelulusan projek serta perolehan sewaktu menjadi Perdana Menteri Kesembilan antara tumpuan utama dalam pengambilan keterangan oleh pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

BH difahamkan perkembangan itu selepas tiga hari pegawai penyiasat melakukan siasatan terhadap aset yang diisytiharkan Ahli Parlimen Bera itu.

Bagaimanapun, sumber berkata, Ismail Sabri masih perlu memberi keterangan berhubung sejumlah aset yang diisytiharkan baru-baru ini.

Sumber berkata, pengambilan keterangan terhadap Ismail Sabri juga berkemungkinan tidak akan berakhir setakat semalam.

“Pegawai penyiasat memerlukan keterangan beliau mengenai beberapa perkara termasuk kelulusan projek yang dilakukannya.

“Masih ada pelbagai dokumen

sedang disiasat dan lebih banyak keterangan (diambil pada masa seterusnya) dilakukan pihaknya,” katanya kepada *BH*, semalam.



Ismail Sabri

Tujuh jam beri keterangan

Ismail Sabri hadir untuk kali keempat di Ibu Pejabat SPRM, di sini kira-kira jam 9 pagi semalam dan dilihat keluar kira-kira jam 4.30 petang selepas tujuh jam memberi keterangan.

BH sebelum ini melaporkan SPRM bertungkus-lumus meneliti ratusan dokumen penting termasuk berkaitan harta benda pemimpin itu, dalam siasatan terhadap kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Antara dokumen berkenaan

membabitkan aset diisytiharkan oleh bekas Perdana Menteri itu pada 10 Februari lalu.

Jumaat dan Khamis lalu, Ismail Sabri sudah hadir ke Ibu Pejabat SPRM dan diambil keterangan sekurang-kurangnya lima hingga enam jam oleh pegawai penyiasat, selepas menunda sesi itu beberapa kali atas faktor kesihatan.

Pada sidang media SPRM minggu lalu, pihak berkuasa mendedahkan penemuan tunai dalam pelbagai mata wang serta jongkong emas yang secara keseluruhannya berjumlah RM177 juta.

Pendedahan dibuat menerusi siri serbuan membabitkan tiga premis, termasuk sebuah *safe house* di sekitar ibu negara yang dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan berkenaan.

Semua hasil rampasan itu turut dikaitkan perbelanjaan

dan perolehan dana bagi tujuan promosi serta publisiti program sewaktu beliau mentadbir kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, sebelum ini menyatakan bahawa Ismail Sabri dikategorikan sebagai suspek kes terbabit selepas beberapa saksi, termasuk beliau sendiri dipanggil memberi keterangan.

Siasatan terhadap Ismail Sabri sebelum ini tergendala beberapa kali susulan faktor kesihatannya yang tidak mengizinkan selepas dilaporkan rebah di kediamannya sebelum dikejarkan ke hospital.

Siasatan terhadap Ismail Sabri dibuat mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.